

SIASATAN ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

19 Januari 2022, MELAKA - Siasatan aduan pembakaran terbuka oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di rezab jalan kawasan Serkam.

Jika didapati melakukan pembakaran terbuka, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan kompaun maksimum sebanyak RM 2,000.

Orang ramai diingatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya sewaktu cuaca panas dan kering. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka